

PERKATAAN BERIMBUHAN

PERKATAAN BERIMBUHAN (BERAYAT)

Latihan 1

ARAHAN: Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam item-item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- | | |
|---|--|
| 1 | Ramai rakyat Afrika dan mereka yang melawat negara itu telah _____ mati akibat diserang penyakit <i>Ebola</i> .
(1) disahkan (2) mengesah
(3) pengesahan (4) sahkan () |
| 2 | Ayah dan ibu saya terpaksa ikat perut untuk kumpulkan wang bagi perbelanjaan _____ saya di universiti.
(1) kajian (2) mengaji
(3) pengajian (4) pengkaji () |
| 3 | Pengakap-pengakap yang berkhemah di pinggir hutan itu berasa takut apabila _____ bunyi yang mengerikan.
(1) dengarkan (2) didengar
(3) kedengaran (4) pendengar () |
| 4 | Kita mesti latihan diri untuk _____ masa belajar, bermain dan bersukan.
(1) bersesuaian (2) disesuaikan
(3) penyesuaian (4) sesuaikan () |
| 5 | Cik Munirah _____ apabila mendengar berita bahawa kapal yang suaminya bertugas telah meletup dan terbakar di Pelabuhan Warren.
(1) dirunsingi (2) dirunsingkan
(3) kerunsingan (4) merunsingkan () |
| 6 | Ibu bapa bertanggungjawab mendidik anak-anak supaya berdikari pada masa depan supaya tidak _____ orang lain.
(1) bebanan (2) dibebani
(3) membebankan (4) terbeban () |
| 7 | Makanan dan keperluan harian yang akan _____ ke negara yang dilanda taufan itu bernilai sejuta dolar.
(1) dermawan (2) didermakan
(3) menderma (4) penderma () |

- 8 Sejauh ini, boleh dikatakan pemimpin-pemimpin negara kita telah _____ dengan adil dan saksama.
 (1) diperintah (2) memerintah
 (3) pemerintah (4) perintahkan ()
- 9 Beberapa majlis _____ besar-besaran telah diataskan bagi menyambut perayaan *Chingay* bulan hadapan.
 (1) beramai (2) diramaikan
 (3) keramaian (4) meramaikan ()
- 10 Enjin kereta-kereta yang sedang dipamerkan itu _____ dengan mengguna kuasa suria.
 (1) berjalan (2) dijalankan
 (3) menjalan (4) penjalan ()
- 11 Penduduk di kampung itu cuba membantu Pak Kadir yang hidup dalam _____ dan kesengsaraan.
 (1) dimiskinkan (2) kemiskinan
 (3) memiskinkan (4) pemiskinan ()
- 12 Sekumpulan pekerja telah _____ kerana bermogok dan tunjuk perasaan di syarikat mereka.
 (1) dipecat (2) memecat
 (3) memecatkan (4) pemecatan ()
- 13 Sudah menjadi adat-resam orang-orang Melayu untuk membuka alas kaki sebelum _____ rumah mereka atau rumah yang dikunjung.
 (1) dimasuki (2) kemasukan
 (3) memasuki (4) termasuk ()
- 14 Para pemain pasukan Singapura telah menunjukkan satu _____ yang baik dalam perlawanan akhir itu. .
 (1) disembahkan (2) mempersembah
 (3) mempersembahkan (4) persembahan ()
- 15 Mangsa-mangsa bencana taufan itu yang kehilangan rumah mereka itu telah diberi rumah _____ sementara.
 (1) ditumpangkan (2) menumpang
 (3) penumpuan (4) tumpangan ()

PERKATAAN BERIMBUHAN (BERAYAT)
Latihan 2

ARAHAN: Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam item-item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Kami sedarjah bersetuju dengan _____ ketua darjah kami untuk mengadakan kelas tambahan kerana menjelangnya PSLE dua bulan lagi.
 (1) bercadang (2) cadangan
 (3) mencadang (4) pencadang ()
- 2 Budin yang disyaki _____ paip di tandas sekolah sedang disoal oleh guru disiplin.
 (1) dipecahkan (2) memecahkan
 (3) pemecah (4) terpecah ()
- 3 Jika kamu lambat _____ untuk ke sekolah, tentu kamu akan ketinggalan bas sekolah itu.
 (1) bersiap (2) disiapkan
 (3) menyiap (4) persiapan ()
- 4 Murid-murid mesti tumpukan _____ yang penuh kepada pelajaran sekolah mereka.
 (1) memerhati (2) memerhatikan
 (3) perhatian (4) perhatikan ()
- 5 Puan Rosi mengaku bahawa bunga orkid yang ditanamnya itu yang _____ di antara bunga-bunga yang dipamerkan itu.
 (1) kecantikan (2) mencantikkan
 (3) secantik (4) tercantik ()
- 6 Saya telah diarahkan untuk _____ anak kucing yang saya kurung di dalam kotak itu.
 (1) dibebaskan (2) kebebasan
 (3) membebaskan (4) terbebas ()
- 7 Kebanyakan pekedai telah _____ harga barang-barang mereka kerana menjelangnya Tahun Baru Cina.
 (1) dinaiki (2) dinaikkan
 (3) kenaikan (4) menaikkan ()
- 8 Setelah tewas dalam tiga perlawanan yang lepas, kami telah dapat _____ kemenangan pertama.
 (1) dikecap (2) kecap
 (3) pengecap (4) terkecap ()

- 9 Walaupun ibu saya enggan pergi ke hospital, ayah saya _____nya kerana penyakitnya sudah bertambah teruk.
 (1) dipaksa (2) memaksa
 (3) paksaan (4) terpaksa ()
- 10 Ayah saya cuba sedaya-upayanya untuk _____ masalah perbelanjaan persekolahan kami empat beradik.
 (1) diatasi (2) diataskan
 (3) mengatasi (4) mengataskan ()
- 11 Sebuah bangunan sedang dibina di negeri itu yang akan menjadi bangunan yang _____ di dunia.
 (1) ditinggi (2) meninggi
 (3) setinggi (4) tertinggi ()
- 12 Saya tidak larat melihat kecederaan mangsa kemalangan itu hingga saya _____ untuk membantunya.
 (1) diberatkan (2) keberatan
 (3) memberatkan (4) terberat ()
- 13 Hujan yang turun dengan lebatnya sepanjang bulan ini telah _____ banjir dan memusnahkan semua tanaman pekebun sayur itu.
 (1) bersebab (2) disebabkan
 (3) menyebabkan (4) penyebab ()
- 14 Semua tuduhan yang ditujukan kepadanya dalam mahkamah itu telah _____ oleh Amin kerana dia tahu dia tidak bersalah.
 (1) dinafikan (2) menafi
 (3) menafikan (4) nafian ()
- 15 Ibu saya menolak _____ jurujual itu kerana dia tahu barang yang dijual itu adalah barang tiruan.
 (1) ditawarkan (2) menawar
 (3) tawaran (4) tawarkan ()

PERKATAAN BERIMBUHAN (BERAYAT)
Latihan 3

ARAHAN: Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam item-item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Pegawai-pegawai keselamatan telah berjaya _____ kumpulan penganas yang bersembunyi di dalam hutan itu.
 (1) berperangkap (2) diperangkap
 (3) memerangkap (4) terperangkap ()
- 2 Beribu-ribu orang bersama anak-anak mereka _____ Ekspo Singapura kerana pameran dan jualan murah buku-buku di situ.
 (1) banjir (2) dibanjiri
 (3) kebanjiran (4) membanjiri ()
- 3 Cik Bedah pengsan setelah diberitahu bahawa anak tunggalnya telah _____ dalam nahas jalan raya pada petang itu.
 (1) berkorban (2) dikorban
 (3) mengorban (4) terkorban ()
- 4 Pengetua sekolah telah _____ seorang guru tarian profesional untuk kumpulan tarian sekolah kami.
 (1) didapati (2) mendapat
 (3) mendapatkan (4) terdapat ()
- 5 Ilmu _____ dianggap lebih berharga jika dibandingkan dengan harta benda atau wang ringgit.
 (1) diketahui (2) mengetahui
 (3) pengetahuan (4) tertahu ()
- 6 Sudah menjadi satu _____ ayah saya akan menghisap rokok sebaik sahaja selepas makan.
 (1) dilazimkan (2) kelaziman
 (3) melazimkan (4) pelaziman ()
- 7 Dengan tiba-tiba, beribu-ribu ekor lebah telah _____ beberapa orang yang berada di taman itu.
 (1) diserang (2) menyerang
 (3) serangan (4) terserang ()
- 8 Angkatan tentera negeri itu telah memberontak dan _____ pemerintah yang tidak pedulikan rakyatnya.
 (1) bertentangan (2) ditentang
 (3) menentang (4) tentangan ()

- 9 Kereta ayah saya yang rosak itu dihantar ke bengkel untuk _____ petang semalam.
 (1) dibaiki (2) kebaikan
 (3) membaiki (4) terbaik ()
- 10 Betapa berat sesuatu tugas itu ia boleh _____ jika kita bersatu padu dan bekerjasama.
 (1) dibereskan (2) keberesan
 (3) membereskan (4) pemberesan ()
- 11 Dengan bangga, Rashid _____ sepupunya yang baru datang dari Australia kepada kami.
 (1) berkenalan (2) dikenalkan
 (3) mengenalkan (4) pengenalan ()
- 12 Penduduk kampung itu bergotong-royong untuk mendirikan semula rumah Pak Dollah yang _____ pada malam kelmarin.
 (1) dibakar (2) membakar
 (3) pembakar (4) terbakar ()
- 13 Pak Dollah telah _____ semua harta bendanya dalam kebakaran yang berlaku pada malam kelmarin.
 (1) kehilangan (2) menghilang
 (3) menghilangkan (4) terhilang ()
- 14 Ramai pelancong telah membatalkan rancangan mereka untuk melawat negeri itu kerana takut _____ penyakit menular itu.
 (1) berjangkit (2) dijangkiti
 (3) menjangkitkan (4) penjangkit ()
- 15 Saya sungguh kagum melihat keindahan bumi dari udara dalam _____ ke London.
 (1) diterbangi (2) diterbangkan
 (3) menerbangkan (4) penerbangan ()

PERKATAAN BERIMBUHAN (BERAYAT)
Latihan 4

ARAHAN: Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam item-item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Kami bertepuk tangan dengan gemuruh apabila pengetua sekolah _____
 bahawa Samsul telah dilantik menjadi ketua murid pengawas.
 (1) diumumkan (2) diumumkan
 (3) mengumumkan (4) pengumuman ()
- 2 Para penyokong pasukan Singapura berasa hampa kerana _____nya
 mempertahankan Piala Suzuki.
 (1) digagalkan (2) kegagalan
 (3) menggagalkan (4) penggagalan ()
- 3 Encik Hashim dan isterinya tidak _____ anak kesayangan mereka
 terlibat dalam menyalahgunakan dadah.
 (1) disedar (2) kesedaran
 (3) menyedari (4) tersedar ()
- 4 Kami sekeluarga akan _____ ke Kuala Lumpur dengan menaiki sebuah
 koc pada esok pagi.
 (1) angkatan (2) berangkat
 (3) diangkat (4) terangkat ()
- 5 Ibu saya suka pergi _____ di Pasar Larkin di Johor Baru kerana harga
 barang-barang dianggap lebih murah.
 (1) belanjakan (2) berbelanja
 (3) membelanjakan (4) perbelanjaan ()
- 6 Ayah saya hanya mampu beli sebuah mesen _____ terpakai kerana
 kekurangan wang.
 (1) cucian (2) dicuci
 (3) mencuci (4) pencuci ()
- 7 Setiap hari, saya ikat perut pada waktu rehat kerana hendak _____
 wang saku saya untuk membeli sepasang but bola sepak.
 (1) dikumpul (2) kumpulkan
 (3) kumpulan (4) sekumpul ()
- 8 Setiap pengguna jalan raya mesti bertanggungjawab untuk menjaga _____
 mereka dan pengguna lain semasa berada di jalan raya.
 (1) keselamatan (2) menyelamatkan
 (3) penyelamat (4) terselamat ()

- 9 Osman takut kepada anjing kerana pernah _____ oleh seekor semasa dia masih kecil.
 (1) digigit (2) menggigit
 (3) penggigit (4) tergigit ()
- 10 Meja makan saya yang besar lagi berat itu _____ oleh empat orang semasa kami pindah rumah.
 (1) angkatan (2) diangkat
 (3) pengangkat (4) terangkat ()
- 11 Ibu bapa tidak boleh lupa untuk melengkapkan anak-anak mereka dengan _____ agama.
 (1) asuhan (2) diasuh
 (3) mengasauh (4) pengasuh ()
- 12 Kami akan mengadakan satu majlis _____ untuk guru kami yang akan bersara pada hujung tahun ini.
 (1) berpisah (2) dipisahkan
 (3) memisahkan (4) perpisahan ()
- 13 Barang-barang haram seperti dadah dan cakera padat yang dirampas polis itu akan _____ tidak berapa lama lagi.
 (1) dimusnahkan (2) memusnahkan
 (3) pemusnah (4) pemusnahan ()
- 14 Satu peraduan bercerita dalam bahasa Melayu untuk murid-murid bukan Melayu akan _____ pada hujung bulan ini.
 (1) dianjurkan (2) menganjur
 (3) penganjur (4) teranjur ()
- 15 Kami terpaksa _____ rancangan kami untuk melancong ke Jakarta kerana keadaan huru-hara yang berlaku di sana.
 (1) bertangguh (2) ditangguh
 (3) tangguhkan (4) penangguhan ()

PERKATAAN BERIMBUHAN (BERAYAT)**Latihan 5**

ARAHAN: Pilih perkataan berimbuhan yang sesuai bagi mengisi tempat kosong dalam item-item di bawah ini. Tuliskan nombor jawapan kamu di dalam tanda kurung yang disediakan.

- 1 Pekerja-pekerja di kilang itu telah _____ pekerjaan kerana pemilik kilang itu telah jatuh mufis.
 (1) dihilangkan (2) kehilangan ()
 (3) menghilangkan (4) terhilang ()
- 2 Beberapa kawasan di Estet Perumahan Yishun menjadi gelap-gelita kerana _____ elektrik terputus.
 (1) bekalan (2) dibekalkan ()
 (3) membekal (4) membekalkan ()
- 3 Ramai pejalan kaki yang tidak cermat dan masih asyik menggunakan telefon bimbitnya semasa _____ jalan raya.
 (1) lintasan (2) melintas ()
 (3) selintas (4) terlintas ()
- 4 Penyokong-penyokong pasukan yang tewas menunjuk perasaan pada akhir perlawanan itu kerana _____ nya berat sebelah.
 (1) diadil (2) keadilan ()
 (3) mengadil (4) pengadil ()
- 5 Budak darjah 1 itu menangis di kantin kerana _____ wang sakunya yang diberi oleh ibunya.
 (1) dihilangkan (2) kehilangan ()
 (3) menghilang (4) terhilang ()
- 6 Murid-murid yang didapati _____ dalam persekolahan mereka telah dibantu dan diberi kaunseling.
 (1) dicicirkan (2) mencicirkan ()
 (3) pencicir (4) tercicir ()
- 7 Tiada seorang pun yang dapat menjawab _____ orang tua bisu di perhentian bas itu.
 (1) ditanya (2) menanya ()
 (3) pertanyaan (4) tanyakan ()
- 8 Minuman yang dijual di tepi jalan itu _____ air yang dicampur dengan gula dan bahan pewarna sahaja.
 (1) kandungan (2) kandungkan ()
 (3) mengandungi (4) terkandung ()

- 9 Semua pelajar mesti tumpukan sepenuh _____ daripada sekarang hingga tamat pengajian mereka.
(1) diperhati (2) diperhatikan
(3) memerhati (4) perhatian ()
- 10 Setelah disoal oleh pengetua sekolah bertalu-talu, akhirnya Budin mengaku dia telah _____ tembok di kantin itu.
(1) contengan (2) diconteng
(3) menconteng (4) penconteng ()
- 11 Berjoging di taman itu pada setiap petang untuk menjaga kesihatannya sudah menjadi _____ kepada Ali
(1) dilazimkan (2) kelaziman
(3) melazimkan (4) pelaziman ()
- 12 Sukan tahunan sekolah saya terpaksa _____ kerana hujan lebat dengan kilat pancar-memancar.
(1) dibatalkan (2) membatalkan
(3) pembatalan (4) terbatal ()
- 13 Saya dibenarkan berenang di East Coast Park jika _____ oleh bapa saya.
(1) berteman (2) ditemani
(3) menemani (4) temankan ()
- 14 Seorang budak berusia sepuluh tahun dari India dapat _____ masalah-masalah matematik yang rumit.
(1) berselesaikan (2) diselesaikan
(3) selesaikan (4) terselesai ()
- 15 Perompak-perompak itu tidak dapat _____ niat jahat mereka di bank itu kerana beberapa orang pegawai polis sedang mengawal di situ.
(1) berterusan (2) diteruskan
(3) menerusi (4) teruskan ()